

# Kerajaan lebih teliti saring kontrak Bumiputera: PM

Projek mesti dilaksana ikut garis panduan, jika gagal boleh ditarik balik

Daripada Lokman Mansor di New York  
bhnews@bh.com.my

**Kerajaan** akan lebih teliti mengendalikan saringan dalam proses pemberian kontrak dan peluang kepada peniaga Bumiputera bagi menangani ketirisan dasar kuota golongan itu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, pendirian itu harus diambil supaya setiap kontrak yang dianugerahkan kepada pihak berkaitan dilaksanakan mengikut garis panduan dan sekiranya gagal, ia boleh ditarik balik.

“Hakikatnya kekal sama, iaitu Melayu masih ketinggalan berbanding orang Cina. Justeru, kalau nak kata dasar ini (kuota Bumiputera) tidak membantu adalah salah kerana ramai yang mendapat pertolongan dan mampu menempa kejayaan.

“Contohnya, biasiswa sebelum ini hanya diberikan kepada pelajar cemerlang, namun kita memutuskan untuk beri juga keistimewaan itu kepada (pelajar pada kedudukan) nombor dua, tiga dan empat, tetapi mereka berjaya,” katanya.

Beliau yang tampil pada sesi dialog sempena Forum Kepemimpinan Dunia University Columbia, di sini kelmarin, memberi contoh kejayaan sama turut dilakar menerusi kerjaya doktor perubatan.

Katanya, golongan Melayu yang sebelum ini hanya menyumbang dua peratus kepada kelompok profesional itu, meningkat kepada hampir 40 peratus sekarang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, dasar kuota Bumiputera berupaya menyelesaikan isu ketidakseimbangan dalam melahirkan doktor perubatan mengikut pecahan kaum, malah

*“Hakikatnya kekal sama, iaitu Melayu masih ketinggalan berbanding orang Cina. Justeru, kalau nak kata dasar ini (kuota Bumiputera) tidak membantu adalah salah kerana ramai yang mendapat pertolongan dan mampu menempa kejayaan.*

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

kesan sama turut berupaya dihasilkan dalam kerjaya lain seperti keusahawanan.

“Kita masih perlukan dasar ini untuk menyelesaikan isu jurang perbezaan membabitkan golongan miskin dan kaya. Tanpa dasar ini, apa jalan lain yang kita nak lakukan demi merungkai permasalahan ini?”

“Sekiranya dibiarkan berlarutan, jurang perbezaan ini akan meruncing sehingga akhirnya mencetuskan ketegangan antara kaum, selain di antara golongan miskin dan kaya,” katanya.

Menyelami kejayaan Malaysia menangani ketegangan kaum, beliau berkata, polemik itu lazimnya tercetus apabila wujud jurang perbezaan di antara golongan miskin dan kaya yang boleh menjadi lebih parah apabila membabitkan kaum berbeza sehingga mengundang risiko keganasan.

“Justeru ‘kunci’ perubahan perlu dirintis bukan identiti kaum seseorang, sebaliknya prestasi ekonomi mereka. Contohnya, kita bantu kelompok lemah untuk mampu bersaing dan menyaingi komuniti kaya. Itu usaha kita menerusi dasar tindakan pengukuhan.

“Ia sukar kerana golongan miskin lazimnya tidak mempunyai kemahiran menggunakan peluang sedia ada dan modal bagi mengembangkan kekayaan mereka. Oleh itu, kita harus beri pertimbangan bersesuaian seperti memperuntukkan latihan, pendidikan dan melindungi mereka,” katanya.